

Publication: Berita Harian, p 50

Date: 13 July 2013

Headline: Not all ASEAN countries have similar CPF scheme for medical purposes



BINCANG ISU RANTAU ASIA: Pelajar-pelajar yang menyertai Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-12 (dari kiri) Encik Tan Kwan Hong, Encik Teo Yao Yang, Cik Hioe Zhi Hui Joanna dan Encik Zhang Guowei. Di tengah ialah Encik Eric Teng, penasihat Yayasan Tan Chin Tuan yang mengetua jawatankuasa bagi memilih pelajar menyertai HHLI. – Foto-foto HITACHI LTD

Publication: Berita Harian, p 50

Date: 13 July 2013

Headline: Not all ASEAN countries have similar CPF scheme for medical purposes

Unik di Singapura saja

Tidak semua negara Asean dapat gunakan tabung seperti CPF bagi tujuan perubatan

► AZAHAR MOHD

azahar@sph.com.sg

BELIAU berpendapat sistem penjagaan kesihatan Singapura yang memanfaatkan Tabung Simpanan Pekerja (CPF) bagi membayai kos perubatan warga setempat merupakan satu idea yang baik.

Namun, Encik Teo Yao Yang, lulusan Universiti Teknologi Nanyang (NTU), terkejut apabila diberitahu bahawa penyelesaian itu sukar dilaksanakan di negara-negara Asean yang lain.

"Pertama, saya diberitahu bahawa mereka tidak ada sistem CPF serupa di negara masing-masing dan membangunkan prasarana serupa mungkin memerlukan beberapa dekad, lantas idea saya itu bukanlah satu penyelesaian penjagaan kesihatan yang sesuai."

"Perbincangan itu membantu saya lebih memahami bahawa setiap negara di Asean mempunyai ciri-ciri yang

tersendiri. Lantas, sukar bagi mereka mencari satu-satunya penyelesaian tunggal yang dapat dilaksanakan bagi setiap negara Asean," jelas Encik Teo lagi.

Encik Teo merupakan antara empat pelajar Singapura yang menyertai Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-12 yang diadakan di Bangkok, Thailand, dari 1 hingga 5 Julai lalu.

Forum serantau lima hari itu bertema '*The Road Ahead: ASEAN's Role in Asia and the Global Economy*' disertai pelajar dari Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Malaysia, Vietnam dan Jepun.

Peserta dipilih berdasarkan rekod cemerlang dalam akademik, mempunyai kebolehan kepimpinan dan penglibatan yang aktif dalam kegiatan kurikulum.

Program itu bagi membantu mengetahui pasti pemimpin muda di ASEAN dengan menyediakan landasan bagi pelaj-

jar pintar membincangkan isu-isu terkini yang berlaku di rantau Asia dan sejagat.

Bagi Encik Zhang Guowei, lulusan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), yang kini bekerja dan menetap di Bangkok, program HYLI telah membantu beliau memahami lebih mendalam lagi mengenai peranan Singapura dalam pembangunan ASEAN.

"Antara kejutan terbesar bagi saya ialah tumpuan terhadap sumber dan penggunaan tenaga, terutama dalam ASEAN.

"Saya juga tidak sedar bahawa Singapura merupakan antara pengguna tenaga paling besar di ASEAN, lebih-lebih lagi kerana Singapura tidak mempunyai sumber asli dan perlu bergantung kepada beberapa negara seperti Malaysia dan Indonesia," jelasnya lagi.

Bagi Cik Joanna Hie Zhi Hui, lulusan Universiti Nasional Singapura (NUS) pula, program HYLI memberinya peluang mengenali pelajar-pelajar ASEAN yang mempunyai latar belakang yang berbeza.

"Saya sememangnya meminati budaya yang berbeza di Asia Tenggara,

kemesraan mereka, kes spontan mereka dalam mengemukakan idea dan pendapat. Ini begitu berbeza daripada warga Singapura yang mungkin agak kaku dalam menjadikan kenyataan dan mencapai matlamat mereka.

"Walaupun mempunyai idea dan budaya yang berbeza, pelajar-pelajar ASEAN sebenarnya tidak banyak berbeza daripada pelajar Singapura yang lain – dari segi cita-cita, mengorak langkah untuk mengejar kerjaya, mendirikan rumah tangga dan aspirasi untuk berjaya dalam hidup," jelasnya lagi.

Bagi Encik Tan Kwan Hong, lulusan SMU pula, beliau mendapat pelajar lain begitu bersemangat dan berpengertian dalam membahaskan isu-isu yang dekat dengan hati mereka.

"Sebagai contoh, sewaktu bengkel bersama pelajar-pelajar ASEAN yang lain, kita menghadapi debat yang panjang mengenai bagaimana kita dapat merangkumkan isu-isu yang dibincangkan.

"Hasil perbincangan yang panjang itu kita dapat lihat betapa mendalam isu yang dibincangkan dan akhirnya kita melakar rangka kerja yang berbeza," jelasnya lagi.